

Untung bersih suku ketiga Kerjaya Prospek meningkat kepada RM57.4 juta

· November 28, 2025



Kerjaya Prospek Group Bhd

KUALA LUMPUR: Kerjaya Prospek Group Bhd mencatat prestasi kewangan mantap pada suku ketiga tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, dengan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (PATAMI) meningkat 24.5 peratus kepada RM57.4 juta.

Pada suku berkenaan, kumpulan merekodkan pendapatan sebanyak RM566.3 juta, meningkat 12.2 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

Segmen pembinaan kekal menjadi pemacu utama, manakala segmen pembangunan hartanah melonjak empat kali ganda kepada RM87.7 juta, didorong projek The Vue @ Montereiz dan Papyrus @ North Kiara.

Bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun kewangan, Kerjaya Prospek merekodkan pendapatan RM1.58 bilion, meningkat 27.4 peratus daripada RM1.24 bilion sebelum ini, manakala PATAMI naik 35.3 peratus kepada RM157.9 juta.

Segmen pembinaan terus menjadi penyumbang terbesar dengan 86.7 peratus daripada jumlah pendapatan kumpulan, meningkat 15.1 peratus tahun ke tahun.

Sejajar prestasi kukuh itu, Kerjaya mengisytiharkan dividen interim ketiga satu peringkat sebanyak tiga sen sesaham berjumlah RM37.7 juta, yang akan dibayar pada 30 Disember 2025.

Ini menjadikan jumlah dividen setakat ini kepada 9 sen sesaham atau RM113.2 juta, bersamaan 71.8 peratus daripada PATAMI.

Kumpulan turut mengekalkan kedudukan kewangan yang sihat dengan kedudukan tunai bersih RM286.7 juta setakat 30 September 2025.

Dividen 12 bulan terkini memberikan hasil 4.3 peratus, berdasarkan harga penutupan RM2.76 pada 26 November 2025.

Dalam perkembangan lain, Kerjaya Prospek mengumumkan kontrak baharu bernilai RM350.6 juta di Batu Kawan, Pulau Pinang.

Projek yang dianugerahkan oleh anak syarikat milik penuh Kerjaya Prospek Property Bhd itu melibatkan kerja pembinaan utama dua menara pangsapuri servis setinggi 44 dan 37 tingkat, merangkumi 744 unit dan 662 unit masing-masing, selain kemudahan bersama, ruang runcit dan pejabat.

Kerja pembinaan dijadual bermula 2 Mac 2026 dan siap dalam tempoh 42 bulan.

Ketua Pegawai Eksekutif merangkap Pengarah Eksekutif Kerjaya Prospek, Tee Eng Tiong, berkata prestasi kukuh suku ketiga dan kejayaan meraih lima kontrak utama pada November 2025 menyaksikan kumpulan telah mencapai sasaran kontrak baharu RM1.6 bilion untuk tahun kewangan 2025.

"Dengan kontrak terbaharu ini, tempahan kerja belum dibilkan kami kini mencecah RM4.1 bilion, yang memberikan keterlihatan pendapatan kukuh untuk tempoh empat tahun akan datang," katanya.

Beliau berkata, kumpulan akan terus meneroka peluang strategik yang boleh meningkatkan kedudukan kompetitif dan pendapatan masa depan, selain kekal komited menyediakan nilai jangka panjang kepada pemegang saham melalui dasar pembayaran dividen yang konsisten.